

**KADAR DAN SYARAT TUNTUTAN ELAUN, KEMUDAHAN DAN BAYARAN BAGI PEGAWAI-
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM KERANA MEMINDAHKAN BARANG-BARANG
PERSENDIRIAN SEBELUM DAN SELEPAS BERKURSUS
WP 1.3/2013**

No	Perkara	Tanggungjawab
1.	Kadar Dan Syarat Tuntutan Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Bagi Pegawai-Pegawai Perkhidmatan Awam Kerana Memindahkan Barang-Barang Persendirian Sebelum Dan Selepas Berkursus WP 1.3/2013	
1.1.	Pendahuluan	
	Pekeliling ini adalah bertujuan untuk menetapkan peraturan/syarat tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran kerana memindahkan barang-barang persendirian pegawai dan keluarga ke tempat lain semasa mengikut kursus sama ada di dalam atau di luar negeri.	Anggota LGM
1.2.	Tafsiran	
	Melainkan sesuatu itu terjelas maksudnya di dalam Pekeliling ini, tafsiran di bawah ini hendaklah diikuti:	
1.2.1.	"Dalam Negeri" bermakna untuk diimplementasikan di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam, Kalimantan dan Selatan Thailand;	
1.2.2.	"Gred/Kategori" bermakna Gred Gaji atau Gred Perkhidmatan, mengikut mana yang berkenaan di bawah Sistem Saraan Malaysia (SSM). Pegawai yang membuat pilihan untuk tidak menerima SSM boleh terus membuat tuntutan elaun dan kemudahan di bawah Pekeliling ini berdasarkan kepada Kumpulan Gaji masing-masing mengikut sifir perubahan/perbandingan seperti yang dinyatakan di Lampiran A;	
1.2.3.	"Keluarga Pegawai" bermakna jika bagi pegawai lelaki, ialah isteri dan anak-anaknya; dan jika bagi pegawai perempuan, ialah suami dan anak-anaknya. Di mana disebutkan tentang tuntutan-tuntutan yang boleh dibuat bagi keluarga seseorang pegawai, maka anak-anak yang berkecualan ialah anak-anak yang belum mencapai umur 21 tahun dan ditanggung sepenuhnya oleh pegawai yang tinggal bersama semasa pelaksanaan arahan berkursus tersebut. Walaubagaimanapun, anak yang daif yang disebabkan oleh kelemahan otak atau jasmani, had-had umur ini tidak akan dipakai. Istilah "anak" akan termasuk juga anak-anak tiri dan anak-anak angkat yang diiktiraf mengikut undang-undang atau kebudayaan. Di dalam keluarga pegawai ini juga adalah termasuk seorang orang gaji yang digaji oleh pegawai;	

No	Perkara	Tanggungjawab
1.2.4.	"Pegawai" bermakna seseorang pegawai tetap di dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan; dan	
1.2.5.	"Stesen" bermakna satu lingkungan kawasan 25 km dari rumah lama tempat pegawai tinggal ke rumah baru tempat barang-barang disimpan/dibawa semasa berkursus tersebut.	
2.	Elaun, Kemudahan Dan Bayaran Kerana Memindahkan Barang-Barang Persendirian Sebelum Dan Selepas Berkursus	
	Seseorang pegawai yang berkursus panjang sama ada di dalam atau di luar negeri layak menuntut elaun, kemudahan dan bayaran bagi membiayai perbelanjaan memindahkan barang-barang persendirian pegawai dan keluarga ke tempat lain sebelum dan selepas berkursus mengikut syarat-syarat kelayakan dan kadar-kadar seperti berikut:	Anggota LGM
	2.1. Kelayakan	
2.1.1.	pegawai menerima Arahan Pertukaran atau Arahan Berkursus, mengikut mana yang berkenaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa tertentu;	Anggota LGM
2.1.2.	kursus tersebut hendaklah bagi tempoh tidak kurang daripada satu (1) tahun pengajian; dan	Anggota LGM
2.1.3.	mendapat pengesahan bertulis daripada Ketua Jabatan yang menyatakan bahawa pegawai perlu menyimpan barang-barang ke tempat lain atau membawa barang-barang tersebut ke tempat berkursus.	Anggota LGM
	2.2. Syarat-syarat Tuntutan	
2.2.1.	jika pegawai mengikuti kursus di luar negeri, tuntutan yang dibuat sebelum menghadiri kursus, dikira dari tempat kediaman hingga ke tempat barang-barang disimpan manakala tuntutan yang dibuat selepas menghadiri kursus, dikira bermula dari tempat barang-barang disimpan hinggake tempat kediaman pegawai. Tempat yang dimaksudkan adalah mana-mana tempat di Malaysia kecuali Singapura, Selatan Thailand, Brunei Darussalam dan Kalimantan;	Anggota LGM
2.2.2.	jika mengikuti kursus di dalam negeri, pegawai boleh samaada menyimpan barang-barang di tempat lain atau membawa barang-barang tersebut ke tempat kursus, mengikut prinsip 'yang mana terdekat'. Oleh hal yang demikian, tuntutan sebelum mengikuti kursus dikira dari tempat kediaman ke tempat barang-barang disimpan atau dari tempat kediaman ke tempat barang-barang dibawa semasa kursus, mengikut mana yang berkenaan. Tuntutan yang dibuat selepas mengikuti kursus, dikira dari	Anggota LGM

No	Perkara	Tanggungjawab
	tempat barang-barang tersebut disimpan/dibawa hingga ke tempat kediaman baru;	
2.2.3.	tuntutan bagi pegawai berkeluarga adalah mengikut kadar keluarga manakala bagi pegawai bujang, mengikut kadar bujang. Pegawai yang telah berkeluarga dan tidak membawa isteri/suami dan anak-anak, berkelayakan membuat tuntutan atas kadar bujang. Pegawai yang membawa anak/anak-anak tetapi tidak membawa isteri/suami atau sebaliknya, membawa isteri/suami tetapi tidak membawa anak/anak-anak, berkelayakan membuat tuntutan atas kadar keluarga;	Anggota LGM
2.2.4.	tiada perbelanjaan, bayaran tambahan, atau kemudahan lain yang dituntut bersabit dengan penghantaran barang-barang tersebut seperti Elaun Makan dan Bayaran Sewa Hotel, pengangkutan kenderaan dan tambang perjalanan ahli keluarga termasuk penghantaran barang-barang persendirian ke tempat lain selain daripada tempat yang dipohon;	Anggota LGM
2.2.5.	Kementerian/Jabatan/Agensi boleh menyediakan atau mengaturkan kemudahan kenderaan pengangkutan barang-barang dan kenderaan perjalanan bagi pegawai. Ini juga termasuk menggunakan kemudahan tempahan kapal terbang, kereta api atau bas melalui Waran Perjalanan Udara Awam, Waran Perjalanan Bas atau Waran Perjalanan Kereta Api, mengikut mana yang berkenaan. Walaubagaimanapun, Kementerian/Jabatan/Agensi hendaklah memastikan bahawa jika kemudahan tersebut diguna atau disediakan maka pegawai yang terlibat tidak layak lagi menuntut elaun dan bayaran bagi kemudahan yang sama. Peraturan kewangan yang lain seperti penggunaan Pesanan Tempatan, Panggilan Sebutharga dan seumpamanya, dimana yang sesuai adalah digalakkan;	Ketua Unit/Program
2.2.6.	tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran ini boleh dibuat dengan menggunakan borang seperti Lampiran B;	Anggota LGM
2.2.7.	tuntutan elaun, kemudahan dan bayaran yang dibuat selepas pegawai balik berkursus hendaklah diiringi dengan salinan tuntutan sebelum ini (jika ada);	Anggota LGM
2.2.8.	tuntutan yang dibuat sebelum pegawai menghadiri berkursus iaitu bagi menyimpan/membawa barang-barang ke tempat lain/tempat berkursus hendaklah dibuat selewat-lewatnya dalam tempoh satu bulan selepas pengangkutan barang-barang tersebut dilaksanakan. Tuntutan yang dibuat selepas pegawai menghadiri berkursus iaitu bagi mengambil semula barang-barang dari tempat simpanan/tempat berkursus hendaklah juga	Anggota LGM

No	Perkara	Tanggungjawab
	dibuat selewat-lewatnya dalam tempoh satu(1) bulan selepas pengangkutan barang-barang dilaksanakan;	
2.2.9.	seseorang pegawai tidak layak menuntut elaun, bayaran dan kemudahan bersabit dengan urusan memindahkan barang-barang tersebut jika kemudahan perjalanan dan/atau pengangkutan barang-barang disediakan; dan	Anggota LGM
2.2.10.	walau apapun peruntukan di atas, tiada tuntutan boleh dibuat bagi pengangkutan barang-barang persendirian milik pegawai dan keluarganya di dalam Stesen.	Anggota LGM
2.3. Kadar		
2.3.1.	Perbelanjaan Pengangkutan	Anggota LGM
	a) syarat tuntutan adalah sebagaimana yang dinyatakan di perenggan 3.1.12, Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 atau mana-mana peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.	Anggota LGM
2.3.2.	Tambang Pengangkutan Awam/Elaun Perjalanan Kenderaan	Anggota LGM
	a) tuntutan layak dibuat semasa menghantar barang ke tempat lain sebelum pegawai pergi berkursus dan sekali lagi semasa mengambil semula barang-barang tersebut, selepas pegawai balik berkursus;	Anggota LGM
	b) tuntutan tambang perjalanan hanyalah bagi diri pegawai sahaja; dan	Anggota LGM
	c) kadar tuntutan adalah sebagaimana yang dinyatakan Pekeliling Perbendaharaan WP 1.4/2013 atau mana-mana peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa	Anggota LGM
2.3.3.	Pemberian Pindahan	Anggota LGM
	a) tuntutan boleh dibuat sekali sahaja sama ada sebelum pegawai pergi berkursus (semasa menghantar barang-barang) atau selepas pegawai kembali dari berkursus (semasa mengambil semula barang-barang); dan	Anggota LGM
	b) kadar dan syarat tuntutan adalah sebagaimana yang dinyatakan di Lampiran C, D, E dan G dan perenggan 3.1.13, Pekeliling Perbendaharaan WP 1.2/2013 atau mana-mana peraturan lain yang dikeluarkan dari semasa ke semasa	Anggota LGM